

Headline **MOSTI tingkat taraf hidup luar bandar**
Date **02 Aug 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **7**
Article Size **333 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,582**
PRValue **19,746**



MOSTI tingkat taraf hidup luar bandar

Oleh **ZUNAIDAH ZAINON**

HUSIN hanya mampu tersenyum melihat pokok-pokok cilinya berbuah lebat menunggu masa dipetik. Tidak pernah terlintas di fikirannya untuk menikmati kehidupan yang jauh lebih selesa hari ini jika dibandingkan dengan apa yang dilaluinya dulu ibarat kais pagi, makan pagi, kais petang makan petang. Pendapatan bulanan-nya juga mencecah empat angka.

Apa yang diraih Husin sebenarnya adalah sebahagian daripada program yang dilaksanakan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi projek Penanaman Cili Merah Fertigasi dan Misai Kucing Organik di Kampung Orang Asli, Sungai Layau, Kota Tinggi, Johor.

Menariknya, penduduk yang terlibat dalam projek ini bukan sahaja menjual hasil pertama tanaman cili kepada peraih dengan harga RM5 sekilogram malah mampu menjana pendapatan tambahan sehingga RM3,300 sebulan.

Projek tersebut adalah salah satu daripada projek dibawah Program Aplikasi Teknologi MOSTI atau TAPMOSTI @ Community yang telah dilancarkan pada tahun 2009. Usaha yang digerakkan ini mencerminkan komitmen kementerian untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar melalui suntikan

sains dan teknologi sekali gus mengikis stigma masyarakat yang menganggap MOSTI hanya terhad kepada teknologi canggih dan golongan cendekiawan sahaja.

“Menerusi pelaksanaan program ini, ia akan membuka peluang kepada komuniti hingga ke peringkat akar umbi untuk memperoleh sumber pendapatan baru dengan dibantu kecanggihan teknologi,” jelas Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili.

Beliau berkata, sehingga pertengahan tahun ini, sebanyak 123 projek telah dilaksanakan dan dijangka mampu memberi manfaat kepada 16,000 kumpulan sasar di seluruh negara. Pada 2009 dan 2010, sebanyak RM20.5 juta telah diperuntukkan di bawah TAPMOSTI @ Community untuk dilaksanakan di 72 kawasan Parlimen dan 113 ADUN. Antara projek dilaksanakan termasuklah penanaman tukun inovasi mesra alam untuk menjadi pusat pembiakan hidupan laut. Ini menyumbang pendapatan tambahan kepada komuniti nelayan di Sabah (Pulau Sebatik, Sulabayan, Batu Sapi dan Tenom), Johor (Kukup), Sarawak (Pelagus dan Kapit) dan Terengganu (Pulau Perhentian).

Taman Teknologi Malaysia (TPM) telah membangunkan satu produk inovasi iaitu enjin bot sangkut yang

Headline **MOSTI tingkat taraf hidup luar bandar**
Date **02 Aug 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **7**
Article Size **333 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,582**
PRValue **19,746**

dinamakan RED1. Produk tersebut merupakan cetusan idea Ridzuan Hashim, bekas nelayan dari Langkawi. Berbanding enjin bot biasa, RED1 telah dibangunkan dengan pelbagai fungsi yang menjadikan ia semua dalam satu. Pada 28 Januari 2011, sebanyak 33 nelayan dari Telaga Air, Langkawi telah mendapat RED1 untuk digunakan.

Pada masa sama, katanya, projek enjin sangkut mampu mengurangkan kebergantungan kepada enjin bot yang diimport dari negara jiran.

“Berdasarkan kajian impak yang dijalankan Persatuan Nelayan Dungun, mendapati projek Alat Decarboniser terbukti menjimatkan minyak sehingga 30 peratus dan hasil inovasi bot berenjin diesel ini mendapat perhatian Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM),” katanya.

Teknologi lain yang ditawarkan MOSTI turut merangkumi teknologi seramik, tembikar dan kraf yang dilaksanakan di Kuala Pilah dan Bagan Pinang, Negeri Sembilan; Beluran dan Elopura, Sabah serta Bukit Besi, Terengganu.

Menyedari potensi tanaman stevia di negara ini, tidak lama lagi projek tersebut akan dilaksanakan di Kota Marudu, Tuaran dan Kundasang di Sabah. Dalam pada itu, MOSTI juga tidak ketinggalan menggerakkan projek penanaman dan penghasilan mi-

nyak Jathropa di Sri Aman, Sarawak.

Di samping projek menambah pendapatan, inisiatif yang dilaksanakan juga adalah bagi meningkatkan kualiti dan taraf hidup rakyat melalui aplikasi teknologi yang dibangunkan oleh MOSTI.

Inisiatif K-Masjid misalnya, telah memberi manfaat kepada 27 komuniti di seluruh negara. Antara masjid yang menikmati kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) ini ialah Masjid Besar Marudi Batam, Sarawak. Ia melibatkan peruntukan RM4.02 juta di seluruh negeri.

K-School pula ialah projek aplikasi ICT bagi membantu meningkatkan kemudahan dan pengurusan sekolah serta membentuk budaya ICT di kalangan pelajar dan guru. Sehingga kini, 13 komuniti mendapat faedah daripada inisiatif ini, antaranya Sekolah Menengah St. Martin, Tambunan, Sabah. Projek ini melibatkan peruntukan RM1.05 juta di beberapa negeri terutama di kawasan pedalaman.

Beliau optimis dengan usaha kementerian untuk melonjakkan taraf hidup rakyat menerusi penerapan sains dan teknologi mampu mencapai matlamatnya.

Ini berdasarkan komitmen yang ditunjukkan beberapa agensi pelaksana di bawah MOSTI seperti SIRIM Berhad, MIMOS Berhad, Agensi Nuklear Malaysia, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), Taman Teknologi Malaysia dan Institut Agrobioteknologi Malaysia (ABI), Pusat Sains Negara (PSN), Institut Farmaseutikal dan Nutrasedutikal Malaysia (IPharm), Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), Jabatan Kimia Malaysia, .my Domain Registry dan CyberSecurity Malaysia.

Headline **MOSTI tingkat taraf hidup luar bandar**
Date **02 Aug 2011**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Dlm Negeri**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **7**
Article Size **333 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,582**
PRValue **19,746**



DR. MAXIMUS Johnity Ongkili (dua dari kiri) menyerahkan enjin bot sangkut RED1 kepada komuniti nelayan sambil disaksikan timbalannya Datuk Fadillah Yusof di Kampung Telaga Air, Langkawi, baru-baru ini.